



# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



00016368

Rujukan / Reference : LPJ/IP/OPS/24JLD3(74)

Tarikh / Date : 12/09/2021

## NOTIS PELABUHAN BIL.11 / 2021 PORT NOTICE NO.11 / 2021

**KEPADA: PEMAKLUMAN KEPADA AGENSI – AGENSI KERAJAAN, OPERATOR PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENGHANTAR FRET, PERSATUAN-PERSATUAN, PEMILIK JETI PERSENDIRIAN DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN**

**TO: NOTIFICATION TO GOVERNMENT AGENCIES, PORT OPERATORS, SHIPPING AGENTS, FORWARDING AGENTS, FREIGHT FORWARDERS, ASSOCIATIONS, PRIVATE JETTIES AND PORT USERS.**

**PERKARA: AKTIVITI PENERIMAAN DAN PEMUNGGAHAN BARANGAN BUKAN KEPERLUAN BAGI TUJUAN IMPORT DAN EKSPORT.**

**SUBJECT: LOADING AND UNLOADING ACTIVITIES FOR NON-ESSENTIAL GOODS FOR IMPORT AND EXPORT PURPOSES.**

- 
- |   |  |
|---|--|
| <p>1. Adalah dimaklumkan kerajaan telah membenarkan aktiviti penerimaan dan pemunggaan barangan bukan keperluan bagi tujuan import dan eksport untuk beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu berkuat kuasa serta merta.</p> <p>2. Kebenaran beroperasi adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>i. Pematuhan sepenuhnya ke atas Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) berfasa yang berkuat kuasa;</p> | <p>1. Please be informed that the Government has permitted the activity of loading and unloading of non-essential goods for import and export purposes to operate 24 hours a day, 7 days a week with immediate effect.</p> <p>2. Permission to operate is subject to the following conditions:</p> <p>i. Full compliance with the Standard Operating Procedures (SOP) under the current phase of the National Recovery Plan (NRP).</p> |
|---|--|

ii. Syarikat yang terlibat perlu mengemukakan permohonan melalui Sistem Covid 19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) atau mendapat kelulusan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk beroperasi;

ii. *Company involved are required to submit applications through the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 operated by Ministry of International Trade and Industry (MITI) or must have permission given by Ministry of Transport (MOT) to operate;*

iii. Syarikat hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja berdasarkan peratusan (%) pekerja yang telah lengkap menerima vaksin seperti berikut:

iii. *Company are only permitted to operate at the capacity based on the percentage (%) of employee who have completed vaccination as follows:*

Kadar peratusan (%) pekerja yang lengkap menerima vaksin	Kadar peratusan (%) kapasiti pekerja yang dibenarkan
40 %	60%
60%	80%
80%	100%

Percentage (%) employee complete vaccinated	Percentage (%) working capacity permitted
40 %	60%
60%	80%
80%	100%

iv. Mematuhi protokol kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelaksanaan norma baru seperti pemeriksaan suhu badan, mengimbas MySejahtera, penjarakan fizikal, menyediakan dan menggunakan cecair pembasmi kuman tangan dan memakai pelitup muka;

iv. *Comply with health protocols as stipulated by the Ministry of Health (MOH) and implementing of new norms such as checking body temperature, checking in MySejahtera, maintain physical distancing, provide and use hand sanitizer and wearing face masks;*

v. Pekerja yang bergejala, sedang dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), individu di dalam pemerhatian (PUS) dan sedang dalam kuarantin adalah tidak dibenarkan hadir bekerja.

v. *Employee with symptoms, under Enhanced Movement Control Order (PKPD) area, Persons Under Surveillance (PUS) and persons under quarantine are not allowed to work.*

3. Sebarang ketidakpatuhan SOP yang ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Syarikat-syarikat yang terlibat perlu sentiasa merujuk kepada SOP terkini dan boleh disemak melalui laman web <https://www.mkn.gov.my/>.

3. *Any violation of the associated SOPs can result in action taken under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342). Companies are encouraged to refer to the latest SOPs as and when they are updated at [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my).*

4. Terima kasih

4. *Thank you*

**PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN**  
*PROFESSIONALISM ENHANCES SERVICE*

**KAMARUZAMAN BIN HAJI MUNASIR,**

Pengurus Besar,  
Lembaga Pelabuhan Johor.  
General Manager,  
Johor Port Authority.

[kamaruzaman@lpi.gov.my](mailto:kamaruzaman@lpi.gov.my)

No. dokumen / Document Number: 189378